

SULIT
1103/2
BAHASA
MELAYU
KERTAS 2
NOVEMBER
2004
2 ½ JAM

1103/2

PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA
SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA
CAWANGAN TERENGGANU
DENGAN KERJASAMA
JABATAN PENDIDIKAN TERENGGANU

PEPERIKSAAN AKHIR TAHUN 2004
TINGKATAN EMPAT

BAHASA MELAYU
KERTAS 2

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat soalan.*
 2. *Jawab semua soalan..*
 3. *Bagi soalan 2(b), 2(c), 2(d) dan soalan 4 berdasarkan teks Komponen Kesusasteraan Melayu Tingkatan 4.*
 4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*
-
-

Kertas soalan ini mengandungi 8 halaman bercetak.

1103/2

© 2004 Hak Cipta PKPSM Cawangan Terengganu

[Lihat sebelah
SULIT

Soalan 1: Rumusan

[30 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang kesan-kesan kemasukan pendatang asing dan faktor-faktor kedatangan mereka. Panjang rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Menurut Ketua Pengarah Imigresen, terdapat 271000 orang warga China dan India yang menyalahgunakan pas lawatan untuk tinggal lebih lama di Malaysia. Kebanyakan daripada kita hanya mengetahui bahawa sebahagian besar pendatang yang menyalahgunakan visa untuk mencari nafkah di negara ini ialah warga Indonesia. Berbeza pendatang China dan India, kedatangan warga Indonesia pula begitu mudah dikesan kerana penduduk tempatan dapat mengenali mereka melalui penampilan diri dan tutur kata. Mereka pula biasanya tinggal dalam satu penempatan yang baru dibuka. Jumlah pendatang Indonesia pula sudah semakin berkurangan sejak kerajaan memperkenalkan hukuman sebat terhadap warga asing yang memasuki negara ini secara haram. Pada ketika warga Indonesia itu tidak lagi menimbulkan masalah terlalu besar, kini kita dikejutkan dengan kehadiran sebegitu ramai warga China dan India. Perhatikan jumlah mereka yang ratusan ribu orang, sudah tentu memberikan implikasi yang besar.

Daripada segi sosial, kedatangan mereka telah meningkatkan kes-kes jenayah yang semakin rumit seperti penipuan kad kredit secara terancang yang melibatkan kerugian jutaan ringgit. Malah mereka juga terlibat dalam kes kongsi gelap yang bekerjasama dengan rakyat tempatan. Masalah penipuan dan dendam biasanya berakhir begitu sahaja, ataupun paling kuat dibawa ke muka pengadilan, tetapi dengan kedatangan pendatang tanpa izin, mereka sanggup menjadi pembunuh upahan dengan kadar bayaran sekitar RM2000.00 hingga RM5000.00. Kesan ekonomi pula, negara mengalami kerugian berjuta-juta ringgit disebabkan penyaluran keluar wang tanpa cukai kerana kehadiran ribuan warga China dan India itu sendiri adalah secara haram setelah *status pas lawatan mereka tamat tempoh*.

Dalam waktu yang sama, kerajaan terpaksa berwaspada mengenai perkahwinan yang sengaja dirancang oleh warga asing itu dengan lelaki atau wanita rakyat tempatan bagi mendapat status penduduk tetap yang kini boleh diperolehi melalui perkahwinan. Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga perlu memantau perkara tersebut bagi mengelakkan mana-mana pihak, sama ada rakyat asing atau penduduk tempatan menyalahgunakan peraturan yang baru diperkenalkan oleh kerajaan. Jika tindakan segera tidak diambil, sudah tentu boleh memberikan kesan kepada politik pula, seperti mencetuskan suasana tidak aman di dalam negara. Seperti juga kedatangan warga Indonesia, sama ada secara sah atau haram, kedatangan warga China dan India tidak dapat dinafikan dapat memberikan kesan yang positif. Sebagai contoh, projek perumahan dapat berkembang dengan pesat apabila warga Indonesia sanggup bekerja dengan bermandikan panas dan hujan.

Kedatangan pendatang asing telah merancak pertumbuhan kedai-kedai makan apabila pekerja warga India sanggup bekerja 24 jam sehari dengan gaji yang begitu minimum. Namun, kedatangan mereka yang semakin ramai akan mencemaskan rakyat dan kerajaan. Justeru, pelbagai langkah dan pendekatan sepatutnya diambil dalam menangani kebanjiran pendatang asing ke negara ini. Rakyat juga seharusnya prihatin dan memberi kerjasama kepada kerajaan dalam mengatasi masalah nasional ini. Dalam soal ini, kerajaan perlu melancarkan operasi pemeriksaan secara besar-besaran supaya warga asing akan lebih berwaspada atau berasa gerun untuk menyalahgunakan pas lawatan.

(Dipetik dan diubahsuaikan daripada rencana,
Wanita Asing, Apa yang Mereka Cari di Malaysia?,
oleh Marzuki Yusoff, *Massa*, 5 Mac 2004)

Soalan 2: Pemahaman

Soalan 2(a) Petikan Umum

Berdasarkan petikan Soalan 1, jawab soalan-soalan berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *status pas lawatan mereka tamat tempoh*. [2 markah]
- (ii) Terangkan sebab-sebab kehadiran warga Indonesia mudah dikesan. [3 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, wajarkah kemasukan pendatang asing ke negara ini disekat?. [4 markah]

(b) Petikan Prosa Moden

Baca petikan drama di bawah dengan teliti dan kemudian jawab soalan berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

SAFIAH : (*Terhenti, menjeling masam pada Umar, terdiam seketika, tapi bersemangat semula*) Kalau you bercita-cita hanya nak jadi guru, tak payah masuk universiti pun you boleh jadi guru. Apa susahnya? Tengok, berapa banyak orang boleh jadi guru, tak payah pandai bercakap Inggeris pun boleh jadi guru.

UMAR : (*Sedikit kesal*) You terlalu memikirkan diri sendiri. I suka jadi guru dan kita pun memang kekurangan guru.

SAFIAH : (*Tak sabar*) You ni nasionalis sangat....

UMAR : (*Memandang penuh pada Safiah*) Ya, nasionalis tak nasionalis, cuba you tengok.

Tiap tahun beribu-ribu orang murid masuk sekolah, tapi berapa orang guru yang bertambah? Berapa orang mahasiswa-mahasiswa yang mahu menjadi guru?

SAFIAH : (*cepat geram*) You terlalu satis!

UMAR : (*Berpaling dari Safiah, perlahan tapi pahit*) You terlalu ingin nak main salji sahaja, mahu duduk-duduk di London atau Amerika. (*membisu beberapa lama*).

SAFIAH : (*Terdiam, memandang Umar, kemudian membongkok ke hadapan, menyentuh sedikit tangan Umar dan berkata dengan nada baru, logik dan lembut.*) I tahu you nak berkhidmat dalam negeri, I tahu you nak berjasa kepada bangsa. I hargai. Tapi I bercakap sebagai tunang you, yang ikut sama memikirkan masa depan kita....Dan di luar negeri pun you dapat berkhidmat dengan bangsa, you boleh memperkenalkan negeri kita di luar negeri...

(Dipetik daripada drama *Serunai Malam*, karya Usman Awang dalam *Antologi Anak Laut*, Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Apakah pandangan Safiah terhadap kerjaya perguruan? [2 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, apakah alasan yang sewajarnya diberikan oleh Umar untuk menolak cadangan Safiah? [3 markah]
- (iii) Nyatakan **dua** keistimewaan watak Umar berdasarkan petikan drama di atas dan **dua** keistimewaan lain watak berkenaan yang terdapat dalam drama ini. [4 markah]

(c) **Petikan Prosa Klasik**

Baca petikan di bawah dengan teliti dan kemudian jawab soalan berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Maka oleh Laksamana dipertubi-tubinya tikam, tiada juga kena. Maka pada penglihatan Lakamana segala tubuh Hang Jebat itu habis diselimuti oleh kerisnya. Maka Laksamana pun lelah berdiri di atas talam itu. Maka Hang Jebat pun berbangkit lalu berdiri. Maka kata Hang Jebat, "Hai Laksamana, apa perimu akan membunuh aku?" Maka Laksamana pun berkata, "Hai Si Jebat, bahawa tiada dengan kuasaku membunuh engkau; bahawa Tuhanku yang amat kuasa membunuh engkau! Insyallah Taala, mati juga engkau dalam tanganku." Maka kata Hang Jebat, "Hai Laksamana, *benar-benar rupanya* engkau hendak membunuh aku!" Maka kata Laksamana, "Mengapatah maka tiada benar? Jika tiada engkau mati olehku, aku mati olehmu, maka sudahlah pekerjaan ini." Maka Hang Jebat pun memekis, katanya, "Cih! Si Jebat dengan Si Tuah hulubalang raja Melaka mati tiada berguna! Jika Si Jebat dengan Si Tuah gerangan dititahkan raja Melaka menyerang negeri orang, aku dua orang itu pun alah."

(Dipetik daripada cerita *Pertarungan Tuah dengan Jebat* dalam antologi *Anak Laut*, Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Apakah maksud rangkaian kata-kata *benar-benar rupanya* sebagaimana yang digunakan dalam petikan tersebut?

[2 markah]

- (ii) Mengapakah Hang Tuah mengambil tindakan untuk bertikam dengan saudaranya Hang Jebat?

[3 markah]

- (iii) Pada pendapat anda, bagaimanakah caranya pertarungan antara Hang Tuah dengan Hang Jebat itu dapat diselesaikan tanpa pertumpahan darah?

[3 markah]

(d) Petikan Puisi

Baca pantun di bawah dengan teliti dan kemudian jawab soalan berikutnya dengan menggunakan kata-kata anda sendiri.

PANTUN MENGENANG NASIB

Pisau raut hilang di rimba,
Pakaian anak raja di Juddah;
Karam di laut boleh ditimba,
Karam di hati bilakah sudah.

Kusangka nanas di tengah padang,
Kiranya pandan yang berduri;
Kusangka panas sampai ke petang,
Kiranya hujan di tengah hari.

Buah berangan masaknya merah,
Kelekati dalam perahu;
Luka di tangan nampak berdarah;
Luka di hati siapa tahu.

Apa diharap kepada tudung,
Tudung saji terendak Bentan;
Apa diharap kepada untung,
Untung nasib permainan badan.

(Dipetik daripada antologi *Anak Laut*,
Dewan Bahasa dan Pustaka)

(i) Apakah maksud frasa *kusangka panas sampai ke petang, kiranya hujan di tengah hari* dalam rangkap kedua pantun?

[2 markah]

(ii) Pada pendapat anda, mengapakah terdapat individu yang sanggup bertindak di luar kawalan apabila mereka menghadapi masalah?

[3 markah]

(iii) Apakah pengajaran yang terdapat dalam pantun di atas?

[4 markah]

Soalan 3: Pengetahuan dan kefahaman tentang tatabahasa bahasa Melayu

[30 markah]

Jawab semua soalan

(a) *Tulis satu ayat daripada perkataan di bawah supaya jelas menunjukkan anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambah, menukar imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa, dan nama khas..*

- | | | |
|-----------------|---|-------------|
| (i) kaunselor | - | kaunseling |
| (ii) pelapor | - | pelaporan |
| (iii) penyampai | - | penyampaian |

[6 markah]

(b) *Tulis semula ayat-ayat di bawah ini supaya menjadi tiga ayat sahaja tanpa mengubah maksud asal ayat-ayat tersebut.*

Dua orang penunggang motosikal mati terhempap sebatang pokok. Pokok itu tumbang dalam kejadian hujan ribut semalam. Mereka dikatakan sedang berteduh di bawah pokok besar tersebut. Hujan tiba-tiba turun diikuti angin kencang. Jenayah Allahyarham Ahmad Salabi akan dikebumikan di tanah perkuburan Islam Bukit Kecil. Allahyarham Ahmad Soleh pula akan dikebumikan di Bukit Besar.

[6 markah]

(c) *Dalam ayat-ayat di bawah, terdapat dua penggunaan ejaan dan imbuhan yang salah. Kenal pasti kesalahan-kesalahan tersebut dan betulkannya dengan menulis ayat itu semula tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.*

- (i) Penderaan tahanan rakyat Iraq oleh tentera penceroboh mendapat liputan luas media massa di seluruh pelusuk negara.
- (ii) Puan Siti selalu menyuruh anak sulungnya, Afiq mencuci pinggan mangkuk, kadang kala dia meminta anak bongsunya yang nama Aizat membantu Afiq.
- (ii) Prodak rempah masakan keluaran syarikat Adabi mendapat permintaan yang menggalak daripada suri rumah.

[6 markah]

- (d) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat dua kesalahan penggunaan kata atau istilah dan kesalahan bahasa. Kenal pasti kesalahan-kesalahan itu dan betulkannya dengan menulis ayat itu semula tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.*
- (i) Azizah memakai mini telekung setiap hari apabila keluar daripada rumah sebagai mematuhi ajaran agama Islam.
 - (ii) Orang yang berusaha rajin kebanyakannya adalah orang yang tidak mengenal erti kecewa dan hampa dalam mencapai segala cita-citanya.
 - (iii) Oleh kerana dia memandu kereta dalam keadaan laju, keretanya telah termasuk ke dalam longkang.

[6 markah]

- (e) *Baca petikan di bawah dengan teliti dan kemudian kemukakan tiga peribahasa yang menggambarkan situasi yang terdapat dalam petikan ini.*

Rakyat Palestin hidup dalam keadaan terseksa. Setiap hari ada sahaja rakyatnya yang terkorban. Kita hanya mampu melihat apa yang berlaku di sana. Mereka hidup dalam ketakutan kerana nyawa mereka sering kali terancam. Ada di antara mereka yang kehilangan kedua-dua ibu bapa. Mereka hidup di khemah-khemah khas. Pelbagai pelan damai telah dirancang tetapi keadaan hidup mereka tidak berubah. Mereka telah lama berjuang, tetapi tidak menampakkan hasilnya. Namun begitu, perjuangan tetap diteruskan walaupun nyawa yang terkorban terus meningkat. Yang mati tetap mati tetapi yang hidup perlu meneruskan perjuangan untuk menegakkan sebuah negara merdeka.

[6 markah]

Soalan 4 : Novel**[15 markah]**

Jawab kedua-dua soalan di bawah.

Jawapan anda mestilah berdasarkan novel **Terminal Tiga** karya Othman Puteh.

- (a) Dalam bahagian binaan plot, pengarang turut menggunakan teknik saspens untuk menarik perhatian pembaca.

Berdasarkan novel yang anda kaji, tuliskan tiga peristiwa yang dapat menimbulkan saspens kepada pembaca.

[7 markah]

- (b) Nyatakan empat pengajaran yang terdapat dalam novel yang anda pelajari.

[8 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT